

39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI

TARIKH : 30.10.2017

SOALAN : NO.21

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pengurangan peruntukan bajet bagi Hospital Universiti dan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia masing-masing untuk tahun 2016 dan 2017. Nyatakan jumlah kenaikan hasil bagi kedua hospital dalam tempoh yang sama berikutan kenaikan fi semua kemudahan dan perkhidmatan perubatan termasuk penginapan, pembedahan, ujian makmal dan penggunaan alatan, dan lain-lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan mengurus yang diterima oleh dua hospital pengajar universiti iaitu Pusat Perubatan Universti Malaya (PPUM) dan Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) menunjukkan pengurangan sebanyak RM129,732,000 iaitu 15.2% bagi tahun 2017 berbanding tahun 2016. Perincian bagi pengurangan peruntukan mengurus tahun 2017 berbanding tahun 2016 bagi hospital pengajar universiti adalah seperti berikut:

- (a) PPUM sebanyak RM31,490,000 iaitu 7.1%; dan
- (b) PPUKM sebanyak RM98,242,000 iaitu 24.1%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil yang diperolehi PPUM sehingga 31 September 2017 menunjukkan peningkatan sebanyak RM3,792,455 iaitu kenaikan sebanyak 5.26% berbanding hasil yang diperolehi pada 2016. Manakala hasil yang diperolehi PPUKM pada tempoh yang sama menunjukkan peningkatan sebanyak RM2,630,217 iaitu kenaikan sebanyak 4.28% berbanding hasil yang diperolehi pada tahun 2016.

41

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI BINTI
AHMAD [PARIT SULONG]**

TARIKH : 30 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN : 22

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian akan membantu Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang berminat untuk mengikuti kursus peringkat Diploma Pentadbiran Luar Bandar seperti yang dicadangkan bagi meningkatkan tahap profesionalisme mereka.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, JKKK/JKKKP dan JKKK Orang Asli yang telah dianugerahkan Sijil Tadbir Urus Desa dan berminat untuk melanjutkan pengajian di peringkat Diploma, akan ditawarkan mengikuti program Diploma Eksekutif Pembangunan Luar Bandar di Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) iaitu institusi pengajian tinggi di bawah seliaan agensi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.